

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

Yang Berhormat,

Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad

Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Ketua Kampung Belingos;

Yang Mulia,

Awang Hj Mohd 'Abdoh bin Dato Seri Setia Hj Abd Salam,

Dr. Haji Manaf bin Haji Metussin,

Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;

Yang Mulia,

Awang Haji Idris bin Haji Ali,

Awang Haji Muhammad Sunadi bin Haji Buntar,

Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;

Yang Mulia,

Awang Haji Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah,

Pegawai Daerah Temburong

selaku Pengerusi Majlis;

Yang Mulia,

Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin.

Penghulu Mukim Bangar yang diraikan;

Yang Mulia,

Awang Haji Hamdan bin Haji Awang Besar

Mantan Penghulu Mukim Bangar;

Yang Mulia,

Tuan Imam Awang Azri bin Haji Mohd Yussof

Imam Masjid Kampung Puni;

Yang Mulia,

Ketua-Ketua Jabatan di bawah Kementerian Hal

Ehwal Dalam Negeri;

Ketua-Ketua Cawangan Jabatan Daerah Temburong;

Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan;

Penghulu-Penghulu Mukim; Ketua-Ketua Kampung;

Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim Bangar;

Penduduk-penduduk Mukim Bangar;

Para hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah yang peramba/saya hormati dan kasih sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana

dengan rahmat dan izinNya jua membolehkan kita berkumpul beramai-ramai pada pagi Jumaat terakhir di bulan Rejab yang penuh keberkatan ini, bulan kitani digalakkan banyak beristighfar bagi **Majlis Penyampaian Sijil Perlantikan** kepada **Penghulu Mukim Bangar yang baru, Yang Mulia Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin.**

2. Selawat dan salam keatas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad SAW, kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang sentiasa taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

3. Saya bersyukur kerana sekali lagi dalam tempoh dua (2) bulan ini dapat berkunjung turun padang ke Daerah Temburong bagi menyempurnakan **Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Penghulu**. Saya sukacita menyampaikan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Mulia Pegawai Daerah Temburong diatas kesempatan yang sangat istimewa dan bermakna yang diberikan ini.

4. Di kesempatan awal dan kesempatan menyampaikan ucapan ringkas ini, saya dengan perasaan tulus ikhlas sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah

dan syabas kepada Yang Mulia Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin di atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di lantik menjadi **Penghulu Mukim Bangar** yang baru bermula secara rasminya pada **2 Mac 2015** yang lalu bagi menggantikan **Yang Mulia Awang Haji Hamdan bin Haji Awang Besar** yang telah bersara. Ucapan tahniah ini juga ditujukan kepada isteri dan ahli keluarga beliau.

Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Mantan Penghulu Awang Haji Hamdan bin Haji Awang Besar, diatas perkhidmatan cemerlang beliau selama 10 tahun 5 bulan menjawat jawatan Penghulu Mukim Bangar dan berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala semoga khidmat bakti tulus dan murni beliau sekian lama itu dibalasNya dengan pahala yang berlipat ganda dan beliau dan keluarga akan sentiasa dikurniakanNya juga dengan nikmat kebahagiaan, kesihatan dan kesejahteraan didalam alam persaraan

dan apa jua tugas atau aktiviti yang beliau buat atau usahakan ketika ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

5. Alhamdulillah, dengan perlantikan ini semua jawatan Penghulu di Daerah Temburong telah penuh diisikan. Mukim Bangar adalah merupakan Mukim yang sangat strategik diantara 5 Mukim terdapat di Daerah ini dimana didalamnya terletak pusat pentadbiran daerah dan komersil. Laluan sungai dan darat bertemu. Pintu masuk dan keluar ke negara jiran. Profil lengkap Mukim Bangar telah kita dengar dari ucapan Pegawai Daerah sebentar tadi.

Kedudukan strategik Mukim ini setentunya memberikan suatu kebaikan atau kekuatan dan juga cabaran dan peluang kepada Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung didalamnya. Dalam ertikata lain pastinya tidak ada kesukaran bagi Penghulu dan Ketua Kampung untuk berhubungan terus dengan Jabatan Daerah dan jabatan-jabatan atau agensi yang berkepentingan. Mengambil kira kepentingan-kepentingan aset strategik daerah dan aktiviti-aktivitinya terletak dalam Mukim ini usaha didalam menjaga keselamatan dan keamanan

setentunya memerlukan dan wajar diberikan keutamaan yang tinggi.

6. Pada pagi ini dengan mengambil kira ucapan saya di Majlis Penyampaian Sijil lantikan Penghulu Mukim Batu Apoi pada 21 Mac yang lalu masih segar dalam ingatan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung di Daerah Temburong ini dan kandungan lengkap ucapan saya itu juga telah dimuatkan didalam akhbar rasmi Kerajaan '*Pelita Brunei*' keluaran Rabu, 8 April yang lalu, maka pagi ini saya tidak akan mengulanginya lagi memadailah menyarankan Yang Mulia Penghulu

Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin untuk menghayati kandungan ikrar Penerimaan Lantikan Jawatan (yang akan beliau lafazkan di Majlis ini nanti) dan mentelaah seterusnya mengamalkan dengan berkesan tuntutan-tuntutan Tugas dan Tanggungjawab Seorang Penghulu yang digariskan didalam Skim Perkhidmatan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung disamping berkongsi pengalaman dan pendedahan dari rakan-rakan Penghulu yang terdahulu serta juga mengikuti panduan dan bimbingan dari Pegawai Daerah.

7. Saya menaruh keyakinan Penghulu Haji Abdul Rahman dengan berbekalkan pengalaman, pengetahuan dan sifat-sifat terpuji seorang pemimpin yang ada pada diri beliau dan juga sokongan padu dari lapisan penduduk dan masyarakat Mukim akan menjadi seorang Penghulu yang berjaya dan berkesan.

Saya turut mengingatkan di sini bahawa seorang Penghulu dan Ketua Kampung atau Pemimpin akar umbi yang berjaya dan berkesan itu ialah yang dapat menempatkan dan menampilkan diri mereka sebagai Paksi, Tunjang dan Teras perpaduan Mukim dan Kampung,

dapat melihat ke hadapan serta menterjemah segala perancangan-perancangan strategik Daerah disamping berani membuat dan membawa perubahan-perubahan bermakna bagi menjana kemajuan Mukim dan Kampung khususnya dan juga Daerah amnya.

”Saya yakin Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung di Daerah ini telah bersedia bagi menghadapi suasana dan persekitaran baru Daerah Temburong apabila Rancangan-Rancangan Strategik dan Projek Kemajuan Negara di Daerah ini menjadi kenyataan nanti”.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

8. Sehubungan dengan Skim Perkhidmatan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung ini, seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada semua Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung senegara pada petang hari Khamis semalam bahawa Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang baru (tahun 2013) bagi menggantikan Skim tahun 1998 telahpun mendapat kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah

Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ianya mula berkuatkuasa pada 1hb April, 2015 yang lalu.

9. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mewakili semua Penghulu, Ketua Kampung dan Ketua Rumah dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih diatas kurnia perkenan Baginda itu yang mencerminkan sifat pemedulian dan

prihatin berterusan Baginda dan Kerajaan Baginda keatas kesejahteraan institusi kepimpinan akar umbi yang sekaligus mengukuhkan akan kepentingan dan keunikan institusi kepimpinan di peringkat akar umbi yang telah berjalan baik untuk sekian lamanya itu.

10. Penekanan utama Skim 2013 ini ialah meningkatkan tahap keberkesanan Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang mengutamakan ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan terpuji serta mempunyai ilmu masyarakat yang tinggi, keaktifan di

dalam Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dengan peningkatan syarat-syarat kelayakan akademik ditambah dengan kemudahan-kemudahan atau insentif baru seperti Elaun Perjalanan, Tetamu dan Perhubungan.

11. Adalah diharapkan Skim ini akan dapat meningkatkan lagi semangat dan motivasi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung selaku pemegang amanah mulia ini dalam melaksanakan peranan, tugas dan tanggungjawab serta meningkatkan daya kepimpinan yang tinggi serta mempunyai nilai-nilai dan

etika kerja yang luhur dan murni dalam menjaga dan menunaikan amanah atau melaksanakan tugas dan tanggungjawab harian khususnya dalam memeduli atau mengelinga kepentingan dan keperluan anak buah dan masyarakat Mukim dan Kampung. Dalam erti kata lain, tidak pangling atau lalai dari menyedari hakikat bahawa mereka adalah Paksi, Tunjang dan Teras Perpaduan Masyarakat dan Penduduk dibawah kepimpinan mereka.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

12. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sukacita memetik Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Perasmian Perhimpunan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Seluruh Negara di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 7 Ogos 2007 lalu yang pada hemat saya sangat relevan dan segar sepanjang zaman yang dapat dijadikan peringatan dan penyuntik semangat kepada semua

Penghulu dan Ketua Kampung didalam menjaga dan memantapkan maruah serta martabat institusi kepimpinan akar umbi. Antara lain Titah Baginda:

”Lebih cantik lagi, kita di Brunei, Mukim dan Kampung itu ada Penghulu dan Ketuanya. Apabila disebut saja Mukim dan Kampung, orang biasanya akan mencari pula siapa Penghulu dan Ketuanya. Mereka ini pada lazimnya adalah orang-orang yang amat disegani dan dihormati.

Oleh itu, para Penghulu dan Ketua tidak boleh tidak, dikehendaki untuk mengekalkan ciri-ciri keunggulan mereka selaku orang-orang yang dihormati.

Negara Insya Allah akan terus menikmati kehidupan aman, selamat dan harmoni, selagi mukim dan kampung masih mempunyai Penghulu dan Ketua yang memiliki karisma dan kepimpinan berwibawa.

Ini bukan pujian tetapi peringatan, bahawa para Penghulu dan Ketua serta agensi-agensi yang berkenaan adalah mempunyai tanggungjawab besar untuk memeduli anak-anak buah masing-masing tanpa memilih-milih.

Dalam pemberian khidmat kepada mereka itu seharusnya tidaklah ada berlaku sikap membeza-beza. Kita mesti melayani mereka dengan sama rata”.

Demikian Titah Baginda

*Hadirin dan Hadirat,
khususnya semua Ketua-Ketua Kampung dan
Penduduk serta Masyarakat Mukim Bangar
yang dihormati sekalian,*

13. Pada kesempatan di hari bahagia dan bersejarah ini, saya sukacita menyeru abis kita semua supaya akan dapat memberikan kerjasama dan sokongan padu kepada Yang Mulia Penghulu Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin selaku Penghulu Mukim Bangar yang baru dan keluarga beliau didalam mengekalkan keujudan suasana harmoni Mukim dan akan sentiasa bermuafakat dan sepakat dalam apa jua perkara khususnya dalam usaha-usaha

memajukan dan meningkatkan kerjasama Mukim dan Kampung-Kampung didalamnya yang sudah berada ditahap baik pada masa ini kepada yang lebih membanggakan, dengannya Insya Allah profil dan nama baik Mukim Bangar akan terus terserlah dan tersohor.

14. Adalah juga diharapkan kepada Yang Mulia Penghulu Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin bersama Ketua-Ketua Kampung didalam Mukim akan dapat menggiatkan usaha penuh keprihatinan, keyakinan dan rasa tanggungjawab dalam melayani dan

menyelesaikan sebarang apa jua keperluan dan kepentingan anak-anak buah dan masyarakat di Mukim ini.

15. Buat akhirnya, marilah kita semua sama-sama berdoa semoga kepimpinan Yang Mulia Penghulu Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin dalam menerajui penduduk dan masyarakat di Mukim Bangar akan sentiasa mendapat rahmat, taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala. Dengannya kemajuan-kemajuan dihasratkan akan tercapai dan kesejahteraan, keamanan serta keselamatan Mukim Bangar, dan Daerah

Temburong akan terus dinikmati
berpanjangan. Insya Allah.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته